

# Pelajar FKAL dan FKI perlu sedia cabaran baru

UB 2.9.2016 BS

LABUAN: Pelajar baharu Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), perlu bersedia menghadapi cabaran baru pada masa akan datang.

Dekan FKI Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Dekan FKAL Dr Hanudin Amin masing-masing mahu pelajar baharu tidak terlalu berasa selesa selepas berjaya memasuki menara gading.

Kata Ag Asri, dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang, pelajar harus fokus pada pembelajaran dan pengajaran di bilik kuliah yang diberikan oleh pensyarah fakulti itu.

Justeru, beliau mahu pelajar bertindak pantas agar tidak ketinggalan dengan ledakan baharu yang melanda negara ini termasuk dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Beliau berkata peluang



**AG ASRI** (depan, tengah) dan pensyarah FKI bersama pelajar baharu di Dewan Kuliah Pusat.

pelajar FKI mendapatkan pekerjaan dalam bidang ICT dan komputeran amat terbuka luas di negara ini.

“Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan maklumat terbaru daripada pensyarah

FKI. Kami sedia membantu anda meneroka lebih banyak maklumat bagi memastikan kejayaan cemerlang diperolehi kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat FKI di Dewan Kuliah Pusat (DKP), Rabu lalu.

Sementara itu, Hanudin mahu pelajar tidak mensiasa-siakan ruang dan peluang yang disediakan pihak universiti khususnya FKAL untuk menimba lebih banyak ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Katanya pensyarah FKAL sudah bersedia membimbing pelajar baharu bukan sahaja semasa pembelajaran dan

pengajaran di bilik kuliah tetapi juga memberikan nasihat semasa perjumpaan secara rasmi maupun tidak rasmi.

“Jumpalah pensyarah FKAL bagi meneroka ilmu baharu khususnya dalam bidang perbankan dan kewangan antarabangsa. Jangan hamparkan harapan ibu bapa yang mahu melihat kejayaan anda empat tahun lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat FKAL di Dewan Utama, Rabu lalu.

FKAL menawarkan lima program yang berkaitan kewangan dan perbankan manakala FKI mempunyai dua program yang menjanjikan ruang dan peluang kerjaya yang lebih luas kepada pelajar.



**DR HANUDIN** menyampaikan taklimat FKAL di Dewan Utama, UMS Labuan.